

**BAHASA MELAYU****Terma dan Syarat Kempen ‘Takaful Win Win’**

1. Kempen Takaful Win Win (“Kempen”) dianjurkan oleh Etiqa Family Takaful Berhad (“Penganjur” atau “Etiqa”) dan akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan mengambil dalam Kempen ini, Peserta:
  - (a) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
  - (b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
  - (c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
  - (d) bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
  - (e) bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiaran nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
  - (f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
  - (g) tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

**Pelaksanaan Kempen:**

3. Kempen ini akan bermula pada 8 September 2025 pada jam 00.00 AM MYT dan berakhir pada 31 Disember 2025 pada jam 11:59 PM MYT (“Tempoh Kempen”).

**Kelayakan:**

4. Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja.
5. Peserta akan menyertai Kempen ini secara automatik dengan mendaftar untuk salah satu produk daripada Etiqa Term Takaful Plus, Etiqa Critical Care Takaful Plus, atau OneMedical Takaful sewaktu Tempoh Kempen dan mempunyai sijil yang berkuatkuasa sewaktu pemilihan pemenang.  
\*Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Family Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) | Ahli PIDM.
6. Peserta yang layak tanpa butiran maklumat lengkap seperti “Alamat Emel” atau “Nombor Telefon” secara automatik akan dikecualikan dari kelayakan untuk mendapat Hadiah.

7. LIMA PULUH (50) orang Pemenang akan dipilih secara rawak pada akhir Tempoh Kempen, dengan saksi hadir untuk memerhati dan membuktikan keadilan dan ketelusan cabutan pemenang. Saksi hendaklah memperakui bahawa proses pemilihan telah dijalankan mengikut peraturan Kempen.
8. Sijil mesti berkuatkuasa sewaktu Pemenang diumumkan dan mesti tertakluk kepada tempoh percuma. Sijil yang dibatalkan atau diserahkan tidak akan dipertimbangkan.
9. Ahli Jawatankuasa Penganjuran Kempen ini, termasuk ahli keluarga terdekat mereka, tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

**Hadiah:**

10. Pemenang akan menerima hadiah berikut:

**1x Baucar E-Commerce Bernilai RM200**

Terhad kepada 50 Pemenang yang dipilih secara rawak

11. Pemenang adalah bertanggungjawab atas semua cukai yang dikenakan ke atas Hadiah yang akan diterima (jika berkenaan).
12. Pemenang akan dimaklumkan oleh Etiqa secara rasmi.
13. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barang yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barang lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
14. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Etiqa secara jelas mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti, atau pengesahan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan hadiah.

**Notis Privasi Etiqa**

15. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur selaras dengan Notis Privasi Syarikat yang dapat dilihat di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my) ("Notis Privasi").
16. Di samping itu, tanpa menjelaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etiqa, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur untuk:
  - (a) tujuan-tujuan Kempen ini;
  - (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Penganjur di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan

entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Penganjur yang munasabah yang berkaitan dengan Kempen ini.

17. Etiqa berhak untuk:

- (a) mengikut budi bicara mutlaknya untuk tidak melayakkan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau yang didapati atau disyaki secara munasabah yang mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan akan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan tindakan menipu dan/atau muslihat dan/atau penipuan yang berkaitan dengan Kempen ini;
  - (b) menarik, membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Kempen lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Penganjur juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my) atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.
18. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Penganjur.
19. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.